



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**DASAR DAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM
PERKHIDMATAN GURU BAHASA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS SECARA *TIME-
BASED***

1.0 TUJUAN

Dasar dan garis panduan ini adalah bertujuan memaklumkan mengenai peraturan kenaikan pangkat bagi staf akademik yang berjawatan Guru Bahasa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) secara *time-based*.

2.0 LATAR BELAKANG

- a) Skim perkhidmatan Guru Bahasa telah dipinda melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2013.
- b) Berdasarkan pekeliling berkenaan, ringkasan tugas bagi seorang Guru Bahasa adalah bertanggungjawab memberi syarahan, tutorial, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan, menyelia projek tesis, mengurus kerja-kerja amali, menyediakan nota kuliah/manual makmal, mengendalikan urusan peperiksaan, mengawasi kerja-kerja latihan pratik pelajar, membantu menyemak/menyediakan kurikulum/silibus, melibatkan diri dalam kerja-kerja penyelidikan dan menjalankan usaha-usaha pembangunan pelajar.
- c) Fungsi dan bidang tugas umum bagi jawatan Guru Bahasa adalah merangkumi penyelidikan dan penerbitan, pengajaran dan penyeliaan, kepimpinan akademik, pengiktirafan dan sanjungan, perundingan, khidmat kepada Universiti dan masyarakat.
- d) Pada masa ini tiada penetapan kriteria kenaikan pangkat bagi Guru Bahasa melainkan mengikut tempoh perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Universiti sahaja.

3.0 SYARAT DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT

- a) Selain daripada syarat asas dan tempoh perkhidmatan, beberapa kriteria lain juga ditetapkan berdasarkan skop kerja jawatan Guru Bahasa.
- b) Syarat asas bagi kenaikan pangkat Guru Bahasa adalah seperti berikut:

Bil.	Syarat asas	Catatan
1.	Telah disahkan dalam perkhidmatan (gred lantikan)	
2.	Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan, iaitu Laporan Penilaian Prestasi Tahunan, (LNPT) adalah 80% dan ke atas bagi 3 tahun terkini dan berturut-turut* ;	<p>*Tertakluk kepada perkara berikut:</p> <p>a) Pegawai-pegawai yang terlibat dalam cuti belajar SLAB/SLAI/SLKAP dan lain-lain biasiswa/tajaan serta program sangkutan dan mobiliti layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sekiranya laporan kemajuan pengajian/laporan lain yang berkaitan diterima dan diperakui oleh Pihak Berkuasa Melantik sebagai gantian kepada LNPT;</p> <p>b) Pegawai-pegawai yang diberi cuti sakit bagi penyakit kronik (kanser dan lain-lain) oleh Pegawai Perubatan Kerajaan/Swasta yang diiktiraf layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sekiranya cuti sakit tersebut adalah kurang daripada 180 hari (6 bulan) berturut-turut dan mendapat perakuan Pihak Berkuasa Melantik;</p> <p>c) Pegawai-pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji dan cuti mengikut pasangan bertugas di dalam/luar negara lebih daripada 180 hari (6 bulan) berturut-turut, LNPT tahun tersebut tidak diambil kira bagi kenaikan pangkat; dan</p>

3.	Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan	
4.	Bebas dari kes tatatertib	
5.	Lulus tapisan keutuhan SPRM	
6.	Telah mengisytiharkan harta	
7.	Bebas dari senarai Peminjam Pendidikan Tegar	
8.	Lulus temu duga dengan jayanya	

c) Tempoh perkhidmatan^{baharu} yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Gred Kenaikan Pangkat	Minimum Tahun Perkhidmatan Diperlukan Bagi Kenaikan Pangkat		CATATAN
	Sarjana/PhD	Ijazah Sarjana Muda	
DG41 ke DG44	5 tahun tanpa kriteria khas	8 tahun tanpa kriteria khas ATAU 5 tahun dengan kriteria khas	1. Tempoh perkhidmatan yang diambil kira adalah lantikan TETAP di UPSI. 2. Kelayakan Master/PhD yang diperolehi sebelum lantikan DG41 tidak diambil kira untuk kenaikan pangkat ke gred DG48 dan seterusnya. 3. Kenaikan ke Gred DG48 dengan kelayakan PhD adalah bagi PhD yang diperolehi semasa berada di gred DG44. 4. *hanya untuk Guru Bahasa yang naik gred DG52 menggunakan laluan 6 tahun. 5. **hanya untuk Guru Bahasa yang naik gred DG52 menggunakan laluan 3 tahun. 6. ***hanya untuk Guru Bahasa yang naik gred DG48 menggunakan laluan 6 tahun & ke gred DG52 menggunakan laluan 3 tahun.
DG44 ke DG48	5 tahun tanpa kriteria khas (PhD sahaja)	8 tahun tanpa kriteria khas ATAU 6 tahun dengan kriteria khas	
DG48 ke DG52	Tidak berkenaan	6 tahun tanpa kriteria khas ATAU 3 tahun dengan kriteria khas	
DG52 ke DG54		*3 tahun tanpa kriteria khas ATAU **3 tahun dengan kriteria khas ATAU ***6 tahun tanpa kriteria khas	

- d) Kriteria bagi kenaikan pangkat Guru Bahasa adalah seperti di **Lampiran 1** *baharu*.

4.0 TANGGUNGJAWAB CALON DAN KETUA PTj

Calon dan Ketua PTj perlu memastikan:

- a) Syarat dan kriteria kenaikan pangkat telah dipenuhi sebelum membuat permohonan;
- b) Borang permohonan dan dokumen sokongan dilengkapkan dan dihantar kepada Bahagian Sumber Manusia. Borang permohonan akan dikembalikan semula kepada calon sekiranya terdapat dokumen atau maklumat yang tidak lengkap;
- c) Dokumen sokongan bagi setiap kriteria kenaikan pangkat yang telah dipenuhi dilampirkan bersama borang permohonan dan difailkan;
- d) Borang senarai semak yang telah lengkap dilampirkan bersama borang permohonan.

5.0 TATACARA DAN BORANG PERMOHONAN

- a) Proses kerja bagi permohonan kenaikan pangkat jawatan Guru Bahasa – **Lampiran 2**
- b) Borang permohonan *baharu* kenaikan pangkat boleh dimuat turun daripada laman sesawang BSM.
- c) Borang senarai semak *baharu* bagi permohonan kenaikan pangkat – **Lampiran 3** (boleh dimuat turun daripada laman sesawang BSM)
- d) Ringkasan maklumat kriteria *baharu* yang telah dipenuhi – **Lampiran 4** (boleh dimuat turun daripada laman sesawang BSM)
- e) Tatacara penyusunan dokumen di dalam fail permohonan kenaikan pangkat – **Lampiran 5**

6.0 KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

Dasar dan garis panduan ini berkuat kuasa mulai **3 Ogos 2021** dan terpakai untuk semua staf akademik berjawatan Guru Bahasa. Dasar dan Garis panduan terdahulu yang berkuat kuasa 1 Januari 2019 adalah dibatalkan.

7.0 PENUTUP

Semua staf akademik berjawatan Guru Bahasa perlu mematuhi dasar dan garis panduan ini agar urusan kenaikan pangkat berjalan dengan lancar.

8.0 RUJUKAN

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 2 Tahun 2019 bertarikh 11 Februari 2019.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali Ke-79 Bil. 2 Tahun 2019 bertarikh 6 Mei 2019.
- c) Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-123 Bil. 3 Tahun 2019 bertarikh 15 Mei 2019.
- d) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Khas Bil. 2 Tahun 2021 bertarikh 11 Jun 2021.
- e) Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-136 Bil. 4 Tahun 2021 bertarikh 3 Ogos 2021.

Lampiran 1

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA		
Gred	Sarjana/PhD	Sarjana Muda
DG41 ke DG44	Berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dalam DG41 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat ^{baharu}	<p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun dalam DG41 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat^{baharu}</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dalam DG41 dan memenuhi syarat-syarat asas kenaikan pangkat serta memenuhi kriteria berikut:</p> <p>Kriteria khas:</p> <ol style="list-style-type: none"> Menerbitkan dua (2) artikel ilmiah/ bab dalam buku/modul terancang; dan Menghadiri dua (2) persidangan peringkat kebangsaan/antarabangsa sebagai peserta; dan Mengendalikan *PdP minimum 18 jam kredit bagi tiga (3) semester terkini berturut-turut^{baharu} ; dan Terlibat dalam empat (4) khidmat masyarakat dengan tempoh minimum adalah 2 jam bagi setiap khidmat masyarakat^{baharu} (khidmat masyarakat merujuk kepada keterlibatan pegawai secara individu/berkumpulan dalam sebarang aktiviti/projek/program anjuran individu/jabatan/universiti/komuniti/agensi kerajaan/agensi swasta yang tidak melibatkan sebarang imbuhan sama ada dijalankan secara bersemuka/dalam talian. Aktiviti/projek/program yang dijalankan melibatkan sumbangan dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan tenaga dengan tujuan memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti. Surat lantikan/bukti penglibatan perlu disahkan oleh Ketua PTj); atau Pernah memegang jawatan pentadbiran (Pengarah/Dekan/Timbalan Pengarah/Dekan/Ketua Unit/Bahagian/Penyelaras Utama) DAN terlibat dalam satu (1) projek/program/aktiviti bagi penjaanaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat Universiti/Kebangsaan/Antarabangsa di sepanjang tempoh lantikan jawatan pentadbiran^{baharu} (syarat ini hanya boleh digunapakai sekiranya telah memenuhi tempoh lantikan jawatan pentadbiran) <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Pernah memegang jawatan Pengarah/AJK Tertinggi/Ketua Jawatankuasa Projek/Program/Aktiviti dalam dua (2) projek/program/aktiviti bagi penjaanaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/</p>

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA		
Gred	Sarjana/PhD	Sarjana Muda
		pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat Universiti/Kebangsaan/ Antarabangsa
DG44 ke DG48	Berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dalam DG44 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat (hanya untuk PhD sahaja) ^{baharu}	<p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun dalam DG44 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat^{baharu}</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun dalam DG44 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat serta memenuhi kriteria berikut:</p> <p><u>Kriteria khas (Pengiraan bermula sumbangan dalam Gred 44):</u></p> <ol style="list-style-type: none"> a) Menerbitkan dua (2) artikel ilmiah/ bab dalam buku/modul terancang; atau b) Keterlibatan dalam sekurang-kurangnya satu (1) penyelidikan/perundingan; dan c) Membentangkan sekurang-kurangnya dua (2) kertas kerja/poster/penghasilan produk dalam persidangan/pertandingan inovasi peringkat kebangsaan/antarabangsa ; dan d) Mengendalikan *PdP minimum 18 jam kredit bagi tiga (3) semester terkini berturut-turut^{baharu} ; dan e) Terlibat dalam tiga (3) khidmat masyarakat dengan tempoh minimum adalah 2 jam bagi setiap khidmat masyarakat^{baharu} (khidmat masyarakat merujuk kepada keterlibatan pegawai secara individu/berkumpulan dalam sebarang aktiviti/projek/program anjuran individu/jabatan/universiti/komuniti/agensi kerajaan/agensi swasta yang tidak melibatkan sebarang imbuhan sama ada dijalankan secara bersemuka/dalam talian. Aktiviti/projek/program yang dijalankan melibatkan sumbangan dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan tenaga dengan tujuan memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti. Surat lantikan/bukti penglibatan perlu disahkan oleh Ketua PTj); atau f) Pernah memegang jawatan pentadbiran (Pengarah/Dekan/Timbalan Pengarah/Dekan/Ketua Unit/Bahagian/Penyelaras Utama) DAN terlibat dalam satu (1) projek/program/aktiviti bagi penajaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat Universiti/Kebangsaan/ Antarabangsa di sepanjang tempoh lantikan jawatan pentadbiran^{baharu} (syarat ini hanya boleh digunapakai sekiranya telah memenuhi tempoh lantikan jawatan pentadbiran)

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA		
Gred	Sarjana/PhD	Sarjana Muda
		<p>ATAU</p> <p>Pernah memegang jawatan Pengarah/AJK Tertinggi/ Ketua Jawatankuasa Projek/Program/Aktiviti dalam dua (2) projek/program/aktiviti bagi penjaanaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/ pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat Universiti/Kebangsaan/ Antarabangsa</p>
DG48 ke DG52	<p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun dalam DG48 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat^{baharu}</p>	<p>ATAU</p> <p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam DG48 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat serta memenuhi kriteria berikut:</p> <p><u>Kriteria khas (Pengiraan bermula sumbangan dalam Gred 48):</u></p> <p>a) Menerbitkan tiga (3) artikel ilmiah/ bab dalam buku/modul terancang; atau</p> <p>b) Keterlibatan dalam sekurang-kurangnya dua (2) penyelidikan/perundingan; dan</p> <p>c) Membentangkan sekurang-kurangnya dua (2) kertas kerja/poster/produk dalam persidangan/pertandingan inovasi peringkat kebangsaan/antarabangsa ; dan</p> <p>d) Mengendalikan *PdP minimum 18 jam kredit bagi tiga (3) semester terkini berturut-turut^{baharu} ; dan</p> <p>e) Terlibat dalam tiga (3) khidmat masyarakat dengan tempoh minimum adalah 2 jam bagi setiap khidmat masyarakat^{baharu} (khidmat masyarakat merujuk kepada keterlibatan pegawai secara individu/berkumpulan dalam sebarang aktiviti/projek/program anjuran individu/jabatan/ universiti/komuniti/agensi kerajaan/agensi swasta yang tidak melibatkan sebarang imbuhan sama ada dijalankan secara bersemuka/dalam talian. Aktiviti/projek/program yang dijalankan melibatkan sumbangan dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan tenaga dengan tujuan memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti. Surat lantikan/bukti penglibatan perlu disahkan oleh Ketua PTj); atau</p> <p>f) Pernah memegang jawatan pentadbiran (Pengarah/ Dekan/Timbangan Pengarah/Dekan/Ketua Unit/ Bahagian/ Penyelaras Utama) DAN terlibat dalam satu (1) projek/program/aktiviti bagi penjaanaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat Universiti/Kebangsaan/ Antarabangsa di sepanjang tempoh lantikan jawatan pentadbiran^{baharu} (syarat ini hanya boleh digunakan sekiranya telah memenuhi tempoh lantikan jawatan pentadbiran)</p> <p>ATAU</p> <p>Pernah memegang jawatan Pengarah/AJK Tertinggi/ Ketua Jawatankuasa Projek/Program/Aktiviti dalam dua (2) projek/program/aktiviti bagi penjaanaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/ pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat</p>

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA		
Gred	Sarjana/PhD	Sarjana Muda
	Universiti/Kebangsaan/ (Pengarah/Dekan/Timbangan Utama)/ Pengaruh Universiti/Kebangsaan/Antarabangsa	Antarabangs memegang Pengaruh/Dekan/Ketua Program/Aktiviti anjaran PTJ peringkat
DG52 ke DG54	<p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam DG52 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat^{baharu} (hanya untuk Guru Bahasa yang naik gred DG52 menggunakan laluan 6 tahun)</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun dalam DG52 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat^{baharu} (hanya untuk Guru Bahasa yang naik gred DG48 menggunakan laluan 6 tahun & kenaikan ke gred DG52 menggunakan laluan 3 tahun)</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam DG52 dan memenuhi syarat asas kenaikan pangkat serta memenuhi kriteria berikut:</p> <p><u>Kriteria khas (Pengiraan bermula sumbangan dalam Gred 52):</u></p> <p>a) Menerbitkan tiga (3) artikel ilmiah/ bab dalam buku/modul terancang; atau</p> <p>b) Keterlibatan sekurang-kurangnya tiga (3) penyelidikan/perundingan; dan</p> <p>c) Membentangkan sekurang-kurangnya tiga (3) kertas kerja/poster/produk dalam persidangan/pertandingan inovasi peringkat kebangsaan/antarabangsa ; dan</p> <p>d) Mengendalikan *PdP minimum 18 jam kredit bagi tiga (3) semester terkini berturut-turut^{baharu} ; dan</p> <p>e) Terlibat dalam tiga (3) khidmat masyarakat dengan tempoh minimum adalah 2 jam bagi setiap khidmat masyarakat^{baharu} (khidmat masyarakat merujuk kepada keterlibatan pegawai secara individu/berkumpulan dalam sebarang aktiviti/projek/program anjaran individu/jabatan/universiti/komuniti/agensi kerajaan/agensi swasta yang tidak melibatkan sebarang imbuhan sama ada dijalankan secara bersemuka/dalam talian. Aktiviti/projek/program yang dijalankan melibatkan sumbangan dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan tenaga dengan tujuan memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti. Surat lantikan/bukti penglibatan perlu disahkan oleh Ketua PTj); atau</p> <p>f) Pernah memegang jawatan pentadbiran (Pengaruh/ Dekan/Timbangan Pengarah/Dekan/Ketua Unit/ Bahagian/Penyelaras Utama) DAN terlibat dalam satu (1) projek/program/aktiviti bagi penajaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat Universiti/Kebangsaan/ Antarabangsa di sepanjang tempoh lantikan jawatan pentadbiran^{baharu} (syarat ini hanya boleh digunapakai sekiranya telah memenuhi tempoh lantikan jawatan pentadbiran)</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Pernah memegang jawatan Pengarah/AJK Tertinggi/ Ketua Jawatankuasa Projek/Program/Aktiviti dalam dua (2) projek/program/aktiviti bagi penajaan pendapatan/pembangunan pelajar dan sahsiah/ pembangunan sumber manusia/bidang kepakaran yang dianjurkan oleh PTj/Universiti/agensi luar di peringkat</p>	

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA					
Gred	Sarjana/PhD	Sarjana Muda			
	Universiti/Kebangsaan/ (Pengarah/Dekan/Timbangan Utama)/ Pegawai Universiti/Kebangsaan/Antarabangsa (Pengarah/Dekan/Timbangan Utama)/ Pegawai Universiti/Kebangsaan/Antarabangsa	Antarabangsa Pegawai/Dekan/Ketua Program/Aktiviti Pegawai/Dekan/Ketua Program/Aktiviti	memegang anjakan memegang anjakan	jawatan Unit/Bahagian/Penyelaras PTJ jawatan Unit/Bahagian/Penyelaras PTJ	pentadbiran peringkat pentadbiran peringkat

*Rujuk jadual beban tugas PdP dan kesetaraan bagi PdP

JADUAL BEBAN TUGAS PdP MENGIKUT JAWATAN PENTADBIRAN YANG DISANDANG	
JAWATAN PENTADBIRAN	JAM KREDIT
Pegawai	4-6
Timbangan Pegawai	8-10
Ketua Jabatan/Bahagian/Unit	12-14
Penyelaras Utama Peringkat PTJ/Universiti	14-16
Penyelaras Kursus (Melebihi 10 Kumpulan Kuliah)	16
Guru Bahasa	18-20

KESETARAAN BAGI PdP ^{baharu}		
Kriteria	Jam Pengajaran & Pembelajaran	Kesetaraan Jam Kredit per Semester
Penawaran dan pengendalian Kursus Bahasa Berstruktur kepada Agensi Kerajaan & Swasta <i>(tidak dikira sebagai khidmat masyarakat)</i>	28 jam pengajaran (menggunakan asas struktur asal iaitu 42 jam bersamaan dengan 3 kredit)	2 kredit

Lampiran 2

PROSES KERJA PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN GURU BAHASA

BIL	PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB
1	Melengkapkan borang permohonan kenaikan pangkat kakitangan akademik (Guru Bahasa) dan melampirkan dokumen sokongan di dalam sebuah fail	Calon
2	Memanjangkan borang permohonan dan dokumen sokongan kepada Ketua PTj untuk perakuan kenaikan pangkat	Calon
3	Memastikan borang dan dokumen dilengkapkan dan calon telah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat	Ketua PTj
4	Memanjangkan borang permohonan bersama dokumen sokongan kepada BSM melalui surat iringan PTj	Ketua PTj
5	Menyemak syarat dan kriteria kenaikan pangkat yang telah dikemukakan oleh Ketua PTj dan dibawa ke Mesyuarat Kesepakatan Kenaikan Pangkat Universiti untuk perakuan	Bahagian Sumber Manusia
6	Membuat jemputan temu duga kepada calon yang telah memenuhi syarat dan kriteria kenaikan pangkat dan memo makluman kepada calon yang tidak memenuhi syarat dan kriteria kenaikan pangkat	Bahagian Sumber Manusia
7	Membuat pelantikan Jawatankuasa Pemilihan berdasarkan statut UPSI	Bahagian Sumber Manusia
8	Menjalankan temu duga pada tarikh yang telah ditetapkan	Bahagian Sumber Manusia
9	Menyediakan laporan kenaikan pangkat dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melantik	Bahagian Sumber Manusia
10	Memaklumkan keputusan kenaikan pangkat kepada calon yang berjaya dan tidak berjaya	Bahagian Sumber Manusia

Lampiran 3

BORANG SENARAI SEMAK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

Bil.	Perkara	*Tandakan √
1.	Borang Permohonan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik (Guru Bahasa) Universiti Pendidikan Sultan Idris	
2.	Dokumen sokongan kenaikan pangkat:	
a)	Menerbitkan artikel ilmiah/ bab dalam buku/modul terancang	
b)	Menghadiri persidangan peringkat kebangsaan/antarabangsa sebagai peserta	
c)	Mengendalikan PdP minimum 18 jam kredit bagi tiga (3) semester terkini berturut-turut	
d)	Terlibat dalam khidmat masyarakat	
e)	Pernah memegang jawatan pentadbiran (Pengarah/ Dekan/Timbalan Pengarah/Dekan/Ketua Unit/ Bahagian/Penyelaras Utama) DAN terlibat dalam satu (1) projek/program/aktiviti	
f)	Pernah memegang jawatan Pengarah/AJK Tertinggi/ Ketua Jawatankuasa Projek/Program/Aktiviti dalam dua (2) projek/program/aktiviti	
g)	Keterlibatan dalam penyelidikan/perundingan	
h)	Membentangkan kertas kerja/poster/penghasilan produk dalam persidangan/pertandingan inovasi peringkat kebangsaan/antarabangsa	

*Mohon tandakan √ bagi perkara-perkara yang telah dilengkapkan/dilampirkan dan difailkan

Lampiran 4

RINGKASAN TAJUK BAGI KRITERIA KENAIKAN PANGKAT YANG TELAH DIPENUHI

Bil.	Kriteria	Tajuk/Aktiviti	Jumlah
1.	Menerbitkan artikel ilmiah/ bab dalam buku/modul terancang	1. 2. 3.	
2	Menghadiri persidangan peringkat kebangsaan/antarabangsa sebagai peserta	1. 2. 3.	
3	Mengendalikan PdP minimum 18 jam kredit bagi tiga (3) semester terkini berturut-turut	1. Jadual kuliah semester (nyatakan semester yang berkenaan)	
4	Terlibat dalam khidmat masyarakat	1. 2. 3.	
5	Pernah memegang jawatan pentadbiran (Pengarah/ Dekan/Timbalan Pengarah/Dekan/Ketua Unit/ Bahagian/Penyelaras Utama) DAN terlibat dalam satu (1) projek/program/aktiviti	Senaraikan jawatan, tahun mula & akhir dan tajuk projek/program/ aktiviti yang terlibat	
6	Pernah memegang jawatan Pengarah/AJK Tertinggi/ Ketua Jawatankuasa Projek/Program/Aktiviti dalam dua (2) projek/program/aktiviti	Senaraikan jawatan dan tajuk projek/program/aktiviti yang terlibat	
7	Keterlibatan dalam penyelidikan/perundingan	1. 2. 3.	
8	Membentangkan kertas kerja/poster/penghasilan produk dalam persidangan/pertandingan inovasi peringkat kebangsaan/antarabangsa	1. 2. 3.	

Lampiran 5

TATACARA PENYUSUNAN DOKUMEN DI DALAM FAIL PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

Bil.	Susunan dokumen dalam fail
1.	Borang senarai semak permohonan kenaikan pangkat (boleh dimuat turun daripada laman sesawang BSM)
2.	Borang Permohonan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik (Guru Bahasa) Universiti Pendidikan Sultan Idris
3.	Ringkasan tajuk bagi kriteria yang telah dipenuhi dalam bentuk jadual seperti di Lampiran 4 (boleh dimuat turun daripada laman sesawang BSM)
4.	Dokumen yang menyokong kriteria kenaikan pangkat telah dipenuhi (setiap kriteria dipisah dengan helaian yang berwarna selain warna putih)

Nota: Memo iringan daripada PTj dilampirkan dihadapan kulit fail